



فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)
No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

KENYATAAN MEDIA

Mesyuarat Khas Majlis Kerja Tertinggi UMNO telah mengambil keputusan:

1. UMNO terus kekal fokus dan konsisten dengan kenyataan yang sudah berkali-kali dikeluarkan tentang **peri pentingnya Gencatan Politik dan Rekonsiliasi Nasional** demi mendepani wabak Covid-19, **menjaga kebajikan rakyat, keamanan negara dan kestabilan politik.**
2. UMNO juga ingin mengulangi dengan jelas sekali lagi bahawa kami menjunjung titah KDYMM Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu untuk terus **memastikan pentadbiran negara diurus dengan baik berpandukan keluhuran undang-undang dan** menghormati semangat yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara dan **tidak membawa negara ke dalam darurat sebagaimana yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan.**
3. UMNO memperhalusi pelbagai pandangan dan harapan rakyat mengenai Belanjawan 2021 untuk diangkat kepada Kerajaan termasuklah isu **perlanjutan tempoh moratorium, bantuan sara hidup kepada rakyat yang hilang punca pendapatan akibat Covid-19, bantuan kepada belia yang menganggur, bayaran khas kepada barisan hadapan (frontliners) dan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pengembangan ekonomi negara.** Lantaran itu, **UMNO akan memastikan Belanjawan 2021 yang bermanfaat untuk rakyat dapat diluluskan.**
4. Maka sebarang tindakan mana-mana pihak yang mempersoalkan keputusan UMNO dalam mendokong titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu adalah tidak bertanggungjawab dan amat dikesali. Sekiranya pendirian UMNO dalam perkara ini masih dipersoalkan, UMNO **tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas demi untuk menjaga kedaulatan Raja-raja dan kepentingan rakyat.**

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

5. UMNO adalah sebuah parti yang dasar-dasarnya sentiasa memberikan keutamaan kepada agenda rakyat. Maka, **semua anggota Kabinet yang mewakili UMNO terus kekal dalam Kerajaan dan beriltizam untuk terus menjaga kebajikan rakyat dan mempertahankan maruah parti.**
6. UMNO memutuskan agar mandat rakyat dikembalikan bagi mengujudkan Kerajaan yang stabil dengan mengadakan Pilihanraya Umum setelah Pandemik Covid-19 dapat dikawal dan berada di peringkat minimum.

AHMAD ZAHID HAMIDI

29 Oktober 2020